



AKHBAR	:	KOSMO	:	MUKA SURAT	:	16
TARIKH	:	16/7/2018	:		:	
JABATAN	:	PERHILITAN	:		:	
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>	:		:	

## Polis, Perhilitan tumpaskan sindiket penyeludupan rangka hidupan liar Rampas tulang bernilai RM1 juta

Oleh MOHD. IZUAN ROSELI

**J**OHOR BAHRU – Polis dengan kerjasama Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) negeri berjaya menumpaskan satu sindiket penyeludupan rangka dan tengkorak hidupan liar yang dianggarkan bernilai hampir RMI juta pada Khamis lalu.

Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam ( KDNKA) Bukit Aman, Datuk Seri Zulkifli Abdullah berkata, dalam serbuan kira-kira pukul 6 petang itu, lima suspek berusia lingkungan 29 hingga 72 tahun turut ditahan di dua buah rumah di Taman Johor Jaya dan Ulu Tiram.

“Hasil pemeriksaan di rumah pertama, polis berjaya merampas empat bungkusan yang mengandungi barang disyaki tulang, tengkorak dan bahagian hidupan liar dianggarkan seberat 13.8 kilogram (kg).

“Susulan itu, serbuan di rumah kedua telah dibuat dan polis menemui 11 bungkusan yang mengandungi tulang dan tengkorak hidupan liar seperti harimau, landak dan gajah,” katanya ketika ditemui pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Seri Alam di sini semalam.



ZULKIFLI (dua kiri) bersama Jamalun (tiga kiri) menunjukkan antara rangka dan tulang hidupan liar yang dirampas daripada sindiket penyeludupan pada sidang akhbar di IPD Seri Alam, Johor Bahru semalam.

Turut hadir, Ketua Polis Johor, Datuk Mohd. Khalil Kadir Mohd. dan Pengarah Perhilitan Negeri, Jamalun Nasir.

Zulkifli berkata, siasatan awal mendapati kesemua barang rampasan itu diperolehi dari Indonesia dan negara ini dijadikan sebagai pusat transit barangan itu untuk pasaran ke China.

“Pihak kami masih menyiasat bagaimana rangka dan tengkorak itu memasuki negara ini. Kami mengesyaki ia dijual untuk

digunakan untuk tujuan perubatan, makanan selain barang perhiasan,” jelasnya.

Beliau memberitahu, kesemua suspek direman selama dua hari bermula Jumaat lalu dan telah dibebaskan dengan jaminan polis.

“Kes disiasat mengikut Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716) yang boleh membawa hukuman denda tidak kurang RM100,000 dan maksimum RM500,00 dengan penjara maksimum lima tahun,” katanya.